

1983
 KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MELETAKKAN ASAS-ASAS YANG LEBIH KUKUH BAGI PEMBANGUNAN NEGARA YANG SEIMBANG, MAKMUR, MAJU DAN BERMARUAH.

+PERUBAHAN-PERUBAHAN TELAH DIBUAT BAGI MENGATUR DAN MENINGKATKAN KEMAMPUAN NEGARA BAGI KEMAJUAN YANG LEBIH PESAT,+ KATANYA KETIKA MENYEMBAH TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG DI ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN BINTANG-BINTANG KEHORMATAN DI ISTANA NEGARA HARI INI.

ISTIADAT ITU DIADAKAN SEMPENA ULANGTAHUN KE-53 KEPUTERAAN SERI PADUKA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, DASAR PANDANG KE TIMUR DAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA BERTUJUAN MENGEMBELING PERSEFAHAMAN DAN TENAGA, SERTA MEMUPUK DAYA PENGELUARAN YANG LEBIH TINGGI BAGI SEMUA SEKTOR SEDANG DILAKSANAKAN.

KATANYA USAHA JUGA SEDANG DILAKUKAN BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI JENTERA KERAJAAN SUPAYA KERJA-KERJA PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH TERATUR DAN BERKESAN.

+PATIK YAKIN DENGAN SOKONGAN DAN PENGLIBATAN SEMUA PIHAK, USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN INI AKAN MEMBERI FAEDAH DAN MANFAAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA BUKAN SAHAJA DARI SEGI JANGKA PENDEK MALAHAN DARI SEGI JANGKA PANJANG,+ KATANYA. -- LAGI 1150/MK

KEPUTERAAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AMAT BERTUAH KERANA MEMPUNYAI PELBAGAI SUMBER KEKAYAAN DAN DENGAN USAHA-USAHA KERAJAAN SERTA SOKONGAN DAN PENGLIBATAN RAKYAT NEGARA INI MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERPOTENSI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

BELIAU YAKIN MALAYSIA AKAN TERUS AMAN, SEJAHTERA DAN MAKMUR SEMENTARA TARAF HIDUP DAN PERPADUAN SERTA KETAHANAN RAKYAT AKAN SEMAKIN MENINGKAT.

PERDANA MENTERI BERIKRAR YANG BELIAU BERSAMA-SAMA PARA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI DAN PEGAWAI SERTA KAKITANGAN KERAJAAN AKAN TERUS MENUMPUKAN DAN PERLIBATAN BAGI KEMAKMURAN, KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAAN RAKYAT DAN NEGARA. -- BERNAMA 1152/MK